



30 September 2019
30 September 2019
P. U. (A) 269

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN (PERKHIDMATAN DIGITAL) 2019

SERVICE TAX (DIGITAL SERVICES) REGULATIONS 2019

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN (PERKHIDMATAN DIGITAL) 2019

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa

BAHAGIAN II

PENDAFTARAN

2. Jumlah nilai perkhidmatan digital
3. Permohonan untuk pendaftaran
4. Pemberitahuan pendaftaran
5. Pemberitahuan mengenai perubahan butir-butir orang berdaftar asing

BAHAGIAN III

INVOIS

6. Kandungan invois atau dokumen

BAHAGIAN IV

PENYATA, PEMBAYARAN DAN PEMBAYARAN BALIK

7. Cara mengemukakan penyata
8. Pembetulan kesilapan
9. Pembayaran cukai perkhidmatan atau penalti
10. Cara menuntut pembayaran balik di bawah perenggan 38(1)(a) atau subseksyen 34(6) Akta

BAHAGIAN V
PERKHIDMATAN ELEKTRONIK

Peraturan

11. Tafsiran
12. Penggunaan perkhidmatan elektronik
13. Cara menggunakan perkhidmatan elektronik
14. Kesilapan dalam menggunakan perkhidmatan elektronik
15. Penamatan penyediaan perkhidmatan elektronik kepada pengguna berdaftar

BAHAGIAN VI
PELBAGAI

16. Waktu pengemukaan penyata dan pembayaran
17. Penalti am
18. Borang

JADUAL

AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN (PERKHIDMATAN DIGITAL) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh perenggan 91(2)(m) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [*Akta 807*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Perkhidmatan Digital) 2019**.

(2) Bahagian II dan V, dan peraturan 17 dan 18 Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2019.

(3) Bahagian III, IV dan VI kecuali Peraturan 17 dan 18 Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020.

BAHAGIAN II

PENDAFTARAN

Jumlah nilai perkhidmatan digital

2. Mana-mana pemberi perkhidmatan asing yang memberikan apa-apa perkhidmatan digital kepada pengguna dengan jumlah nilai perkhidmatan digital yang melebihi lima ratus ribu ringgit hendaklah bertanggung untuk berdaftar.

Permohonan untuk pendaftaran

3. (1) Mana-mana pemberi perkhidmatan asing yang memberikan apa-apa perkhidmatan digital kepada seseorang pengguna yang bertanggung untuk berdaftar di bawah subseksyen 56B(2) Akta hendaklah memohon untuk berdaftar menggunakan Borang DST-01.

(2) Tiap-tiap permohonan bagi pendaftaran di bawah subperaturan (1) hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah melalui perkhidmatan elektronik.

Pemberitahuan pendaftaran

4. Mana-mana pemberi perkhidmatan asing yang diluluskan permohonannya bagi pendaftaran hendaklah diberitahu secara bertulis oleh Ketua Pengarah dan diberikan suatu nombor pendaftaran.

Pemberitahuan mengenai perubahan butir-butir orang berdaftar asing

5. (1) Mana-mana orang berdaftar asing hendaklah dengan serta-merta memberitahu pegawai kanan cukai perkhidmatan secara bertulis apabila terdapat apa-apa perubahan—

(a) pada nama perniagaan;

(b) pada alamat mana-mana tempat perniagaan;

(c) pada status perniagaan;

(d) pada orang yang diberi kuasa atau butir-butir orang yang diberi kuasa; atau

(e) pada jenis perkhidmatan digital.

(2) Pegawai kanan cukai perkhidmatan hendaklah merekodkan perubahan yang diberitahu itu.

(3) Mana-mana orang berdaftar asing yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN III

INVOIS

Kandungan invois atau dokumen

6. (1) Tiap-tiap orang berdaftar asing yang mengeluarkan suatu invois atau dokumen yang berhubung dengan pemberian perkhidmatan digital kepada pengguna hendaklah menyatakan ke atasnya butir-butir yang berikut:

- (a) tarikh invois;
- (b) nombor pendaftaran orang berdaftar asing itu;
- (c) suatu perihalan yang mencukupi untuk mengenal pasti perkhidmatan digital yang diberikan; dan
- (d) jumlah amaun yang kena dibayar tidak termasuk cukai perkhidmatan, kadar cukai perkhidmatan dan jumlah cukai perkhidmatan yang dikenakan ditunjukkan sebagai suatu amaun yang berasingan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Ketua Pengarah boleh, atas permintaan secara bertulis oleh mana-mana orang berdaftar asing dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah, membenarkan mana-mana butir yang dinyatakan di bawah subperaturan (1) untuk tidak dinyatakan dalam suatu invois atau dokumen yang dikeluarkan oleh orang berdaftar asing itu.

BAHAGIAN IV
PENYATA, PEMBAYARAN DAN PEMBAYARAN BALIK

Cara mengemukakan penyata

7. (1) Tiap-tiap orang berdaftar asing hendaklah mengemukakan penyata bagi setiap tempoh bercukai sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 56H(4) Akta dalam Borang DST-02.

(2) Semua butir yang dikehendaki dalam Borang DST-02 hendaklah dikemukakan oleh orang berdaftar asing itu dan hendaklah mengandungi suatu perakuan bahawa penyata itu adalah benar dan lengkap.

(3) Suatu penyata yang dibuat di bawah Bahagian ini hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah melalui perkhidmatan elektronik dan hendaklah disifatkan telah dikemukakan apabila penyata itu telah diterima oleh Ketua Pengarah melalui perkhidmatan elektronik.

(4) Mana-mana orang berdaftar asing yang melanggar subperaturan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan.

Pembetulan kesilapan

8. Jika mana-mana orang berdaftar asing membuat suatu kesilapan dalam mana-mana penyata yang dikemukakan di bawah Akta, orang berdaftar asing itu boleh membetulkan kesilapan tersebut dengan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Pembayaran cukai perkhidmatan atau penalti

9. (1) Pembayaran cukai perkhidmatan atau penalti yang kena dibayar di bawah Akta hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah melalui perbankan elektronik atau apa-apa cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Cukai perkhidmatan atau penalti yang kena dibayar hendaklah disifatkan telah dibayar apabila pembayaran itu diterima oleh Ketua Pengarah dan dikreditkan kepada Ketua Pengarah.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), tiada apa-apa penalti akan dikenakan jika pembayaran cukai perkhidmatan dibuktikan telah dibuat oleh orang berdaftar asing sebelum tarikh yang ditetapkan di bawah seksyen 56I.

(4) Apa-apa pembayaran cukai perkhidmatan atau penalti yang kena dibayar yang diterima dan dikreditkan di bawah subperaturan (2) hendaklah tidak mengambil kira kadar pertukaran wang asing pada masa ia diterima oleh Ketua Pengarah dan dikreditkan kepada Ketua Pengarah.

(5) Jumlah amaun cukai perkhidmatan yang kena dibayar hendaklah diisytiharkan dalam Ringgit Malaysia dalam penyata.

Cara menuntut pembayaran balik di bawah perenggan 38(1)(a) atau subseksyen 34(6) Akta

10. (1) Mana-mana orang yang layak untuk menuntut pembayaran balik di bawah perenggan 38(1)(a) atau subseksyen 34(6) Akta hendaklah memohon kepada Ketua Pengarah dalam bentuk dan cara yang ditentukan olehnya.

(2) Suatu permohonan yang berasingan hendaklah dibuat berkenaan dengan setiap tuntutan yang pembayaran balik dituntut.

(3) Ketua Pengarah boleh menghendaki orang yang membuat tuntutan di bawah subperaturan (1) untuk mengemukakan dokumen dan maklumat bagi maksud mengesahkan tuntutan itu.

BAHAGIAN V
PERKHIDMATAN ELEKTRONIK

Tafsiran

11. Dalam Bahagian ini, “kod pengesahan” ertinya suatu kod pengenalan atau pengenalpastian, suatu kata laluan atau apa-apa kaedah atau tatacara pengesahan yang diberikan oleh Ketua Pengarah kepada mana-mana orang bagi maksud mengenal pasti dan mengesahkan akses kepada dan penggunaan perkhidmatan elektronik oleh orang itu.

Penggunaan perkhidmatan elektronik

12. (1) Ketua Pengarah boleh memberikan kepada mana-mana orang—

(a) suatu kod pengesahan; dan

(b) suatu akaun dengan perkhidmatan elektronik,

untuk menggunakan perkhidmatan elektronik yang disediakan di bawah seksyen 87 Akta tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana orang yang diberikan oleh Ketua Pengarah suatu kod pengesahan di bawah subperaturan (1) hendaklah menjadi seorang pengguna berdaftar dan dia—

(a) hendaklah mengaku terima penerimaan kod pengesahan itu;

(b) hendaklah memastikan kod pengesahannya dirahsiakan; dan

(c) tidak boleh mendedahkan kod pengesahannya kepada mana-mana orang yang tidak diberi kuasa.

(3) Suatu notis elektronik yang dibuat dan dihantar di bawah Akta oleh seorang pengguna berdaftar hendaklah disifatkan telah memenuhi kehendak bagi pemfailan, pengemukakan atau penyerahan jika notis itu dihantar kepada Ketua Pengarah dengan cara sebagaimana yang ditentukan di bawah Bahagian ini.

Cara menggunakan perkhidmatan elektronik

13. (1) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai cukai perkhidmatan yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah boleh menyampaikan apa-apa notis kepada seorang pengguna berdaftar dengan menghantar notis itu melalui perkhidmatan elektronik kepada akaun pengguna berdaftar itu.

(2) Jika suatu dokumen yang dikehendaki untuk dicap, ditandatangani atau dimeterai di bawah Peraturan-Peraturan ini difailkan, dikemukakan atau dihantar secara elektronik melalui perkhidmatan elektronik, kehendak bagi pengakusaksian cap, tandatangan atau meterai itu adalah tidak terpakai.

(3) Mana-mana orang yang diberi kuasa oleh seorang pengguna berdaftar boleh membuat dan menghantar apa-apa notis elektronik bagi pihak pengguna berdaftar itu melalui perkhidmatan elektronik.

(4) Jika apa-apa notis elektronik dibuat dan dihantar bagi pihak mana-mana pengguna berdaftar di bawah subperaturan (3), notis itu hendaklah disifatkan telah dibuat dan dihantar dengan kuasa pengguna berdaftar itu dan pengguna berdaftar itu hendaklah disifatkan sebagai mempunyai pengetahuan tentang semua perkara di dalamnya.

(5) Jika suatu notis elektronik dihantar kepada Ketua Pengarah dengan menggunakan kod pengesahan yang diberikan kepada pengguna berdaftar—

(a) dengan atau tanpa kuasa pengguna berdaftar itu; dan

(b) sebelum pemberitahuan kepada Ketua Pengarah untuk pembatalan kod pengesahan,

notis itu hendaklah, bagi maksud Akta, dianggap telah dibuat oleh pengguna berdaftar itu melainkan pengguna berdaftar itu boleh mengemukakan keterangan yang berlawanan.

Kesilapan dalam menggunakan perkhidmatan elektronik

14. (1) Jika suatu kesilapan dibuat dalam apa-apa notis elektronik oleh pengguna berdaftar di bawah peraturan ini, pengguna berdaftar itu hendaklah membetulkannya melalui perkhidmatan elektronik dalam suatu tempoh masa sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang boleh dikenakan oleh Ketua Pengarah.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Ketua Pengarah boleh mengarahkan atau membenarkan seorang pengguna berdaftar untuk membetulkan apa-apa notis elektronik yang dibuat dan dihantar oleh pengguna berdaftar itu di bawah peraturan ini mengikut apa-apa cara dan dalam masa sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

(3) Ketua Pengarah boleh, bagi maksud perkhidmatan elektronik, meluluskan penggunaan apa-apa lambang, kod, singkatan atau tatatanda untuk mewakili apa-apa butir atau maklumat yang dikehendaki di bawah Akta.

(4) Jika suatu notis elektronik dibuat dan dihantar oleh pengguna berdaftar itu kepada Ketua Pengarah di bawah Akta yang tidak mematuhi apa-apa kehendak Bahagian ini, Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai cukai perkhidmatan yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah, boleh menyampaikan suatu notis kepada pengguna berdaftar itu yang menunjukkan ketidakpatuhan kehendak itu, dan notis elektronik yang dihantar oleh pengguna berdaftar itu hendaklah tidak boleh disifatkan telah dibuat dan dihantar kepada Ketua Pengarah oleh pengguna berdaftar itu.

Penamatan penyediaan perkhidmatan elektronik kepada pengguna berdaftar

15. Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa melalui notis kepada pengguna berdaftar, menamatkan penyediaan perkhidmatan elektronik kepada pengguna berdaftar itu jika pengguna berdaftar itu—

- (a) tidak mematuhi apa-apa terma dan syarat yang dikenakan oleh Ketua Pengarah;
- (b) melanggar apa-apa peraturan dalam Bahagian ini; atau
- (c) memberitahu Ketua Pengarah untuk membatalkan kod pengesahan dan akaun perkhidmatan elektronik yang diberikan kepadanya.

BAHAGIAN VI PELBAGAI

Waktu pengemukaan penyata dan pembayaran

16. (1) Bagi maksud penerimaan penyata dan pembayaran cukai perkhidmatan atau penalti yang kena dibayar melalui perbankan elektronik, waktu biasa hendaklah dari 7.30 pagi hingga 11.30 malam waktu standard Malaysia (UTC/GMT + 8 jam) pada mana-mana hari dalam minggu itu.

(2) Jika mana-mana penyata dan pembayaran cukai perkhidmatan atau penalti yang kena dibayar diterima di luar waktu biasa, waktu penerimaan penyata dan pembayaran cukai perkhidmatan atau penalti yang kena dibayar tersebut hendaklah dianggap telah diterima pada hari yang berikutnya.

Penalti am

17. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Borang

18. (1) Borang dalam Jadual ditetapkan bagi kegunaan di bawah Akta dan Peraturan-Peraturan ini.

(2) Mana-mana orang yang membuat pengakuan dalam mana-mana borang di bawah subperaturan (1) hendaklah memberikan maklumat yang benar dan lengkap.

JADUAL
[Peraturan 18]

┌*DST-01*

└

 JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA ROYAL MALAYSIAN CUSTOMS DEPARTMENT APPLICATION FOR DIGITAL SERVICE REGISTRATION																													
(Important Notes) 1) Please refer to DST-01 Registration Form Guidelines 2) Column with (*) is a mandatory field. 3) Please tick () accordingly.																													
PART A: BUSINESS PARTICULARS																													
1) Business Registration No.*																													
2) Name and Registered Address of Business*	 Town Postcode/Zipcode State																												
3) Trading Name																													
4) Correspondence Address of Business (if different from item 2)	 Town Postcode/Zipcode State																												
5) Telephone No*																													
6) Fax No.																													
7) Business Email Address*																													
8) Details of Person Authorised by Company /Directors / Owner.*	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 10%;">(a) No.</th> <th style="width: 20%;">(b) Name *</th> <th style="width: 20%;">(c) Passport No or other Identification No.*</th> <th style="width: 10%;">(d) Tel. No.*</th> <th style="width: 20%;">(e) Email address*</th> <th style="width: 10%;">(f) Designation*</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td></tr> </tbody> </table>					(a) No.	(b) Name *	(c) Passport No or other Identification No.*	(d) Tel. No.*	(e) Email address*	(f) Designation*																		
(a) No.	(b) Name *	(c) Passport No or other Identification No.*	(d) Tel. No.*	(e) Email address*	(f) Designation*																								

9) Financial Year End Month*

--	--

PART B: SERVICE DETAILS

10) Types of Digital Services*

- a) Software, apps and video game
 b) Music, e-book and film
 c) Advertisement and online platform
 d) Search engine and social network
 e) Database and hosting
 f) Internet Based Telecommunication
 g) Online training
 h) Others

11) Fill in relevant details:*

(Day)

(Month)

(Year)

a) Date of Achieving Value of Digital Service

--	--

/

--	--

/

--	--	--	--

12) Total Value of Digital Service*

MYR

PART C: APPLICANT DECLARATIONS

13) I hereby declare that the information stated in this form and any supporting documents furnished are true and complete and agree any notice to be served to me through electronic service.*

Date*

--	--

(day)

--	--

(month)

--	--	--	--

(year)

.....

14) Name of Applicant*

--

15) Identification No/Passport No*

--

16) Designation*

--

17) Telephone No*

--

18) E-mail address*

--

Γ*DST-02*

No. DST-02 :

☐ Amendment


JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA ROYAL MALAYSIAN CUSTOMS DEPARTMENT

DIGITAL SERVICE RETURN

Important Notes

- 1) Please refer to DST-02 Return Guidelines.
- 2) Column with (*) is a mandatory field.
- 3) If nothing to declare, please fill in "0".

PART A: DETAILS OF FOREIGN REGISTERED PERSON

1) Identification No.*			
2) Name of Business.*			
3) Business Address.*			
4) Correspondence Address of Business			
	Town		
	Postcode/Zipcode		State
5) Telephone No.*			
6) Fax No.			
7) Email Address.*			

PART B: SERVICE DETAILS																															
8) Taxable Period.* from / / (day) (month) (year) to / / (day) (month) (year)																															
9) Details of digital service <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 10%; text-align: center;">(a) No.</th> <th style="width: 40%; text-align: center;">(b) Types of digital service provided *</th> <th style="width: 30%; text-align: center;">(c) Value of digital service (MYR)*</th> <th style="width: 20%; text-align: center;">(d) Amount of tax (MYR)*</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr> <td colspan="2" style="text-align: center;">Total</td> <td> </td> <td> </td> </tr> </tbody> </table>				(a) No.	(b) Types of digital service provided *	(c) Value of digital service (MYR)*	(d) Amount of tax (MYR)*																					Total			
(a) No.	(b) Types of digital service provided *	(c) Value of digital service (MYR)*	(d) Amount of tax (MYR)*																												
Total																															
10) Penalty Rate / Penalty Amount % MYR																															
11) Total Amount of Service Tax Payable* MYR																															
12) Currency used																															
PART C: DECLARATION																															
13) I hereby declare that the information stated in this form and any supporting documents furnished are true and complete and agree any notice to be served to me through electronic service.* Date* / / / (day) (month) (year)																															
14) Name of Declarant.*																															
15) Designation of Declarant.*																															
16) Telephone No.*																															

Dibuat 27 September 2019
 [MOF.TAX(R)700-2/8/1 Jld 4; PN(PU2)752/III]

LIM GUAN ENG
Menteri Kewangan

SERVICE TAX (DIGITAL SERVICE) REGULATIONS 2019

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement

PART II

REGISTRATION

2. Total value of digital service
3. Application for registration
4. Notification of registration
5. Notification of changes on particulars of foreign registered person

PART III

INVOICE

6. Contents of invoice or document

PART IV

RETURN, PAYMENT AND REFUND

7. Manner of furnishing return
8. Correction of errors
9. Payment of service tax or penalty
10. Manner of claiming refund under paragraph 38(1)(a) or subsection 34(6) of the Act

PART V
ELECTRONIC SERVICES

Regulation

11. Interpretation
12. Use of electronic services
13. Manner in using electronic services
14. Error in using electronic services
15. Termination of the provision of electronic services to the registered user

PART VI
MISCELLANEOUS

16. Hours for submission of return and payment
17. General penalty
18. Forms

SCHEDULE

SERVICE TAX ACT 2018

SERVICE TAX (DIGITAL SERVICE) REGULATIONS 2019

IN exercise of the powers conferred by paragraph 91(2)(m) of the Service Tax Act 2018 [Act 807], the Minister makes the following regulations:

PART I

PRELIMINARY

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Service Tax (Digital Service) Regulations 2019**.

(2) Part II and V, and regulations 17 and 18 of these Regulations come into operation on 1 October 2019.

(3) Part III, IV and VI except for regulations 17 and 18 of these Regulations come into operation on 1 January 2020.

PART II

REGISTRATION

Total value of digital service

2. Any foreign service provider who provides any digital service to consumer with the total value of digital services exceeding five hundred thousand ringgit shall be liable to be registered.

Application for registration

3. (1) Any foreign service provider who provides digital service to a consumer who is liable to be registered under subsection 56B(2) of the Act shall apply for registration using Form DST-01.

(2) Every application for registration under subregulation (1) shall be submitted to the Director General through electronic service.

Notification of registration

4. Any foreign service provider whose application was approved for registration shall be notified in writing by the Director General and assigned with a registration number.

Notification of changes on particulars of foreign registered person

5. (1) Any foreign registered person shall immediately notify the senior officer of service tax in writing when there is any change—

(a) in the name of the business;

(b) in the address of any place of business;

(c) in the status of the business;

(d) of the authorized person or details of authorized person; or

(e) in the types of digital services.

(2) The senior officer of service tax shall record the changes so notified.

(3) Any foreign registered person who contravenes subregulation (1), commits an offence.

PART III

INVOICE

Contents of invoice or document

6. (1) Every foreign registered person who issues an invoice or document in relation to provision of digital service to consumer shall state thereon the following particulars:

- (a) the date of the invoice;
- (b) the registration number of the foreign registered person;
- (c) a description sufficient to identify the digital service provided; and
- (d) the total amount payable excluding service tax, the rate of service tax and the total service tax chargeable shown as a separate amount.

(2) Notwithstanding subregulation (1), the Director General may, upon request in writing by any foreign registered person and subject to such conditions as the Director General deems fit, allow any particulars specified under subregulation (1) not to be stated in an invoice or document issued by the foreign registered person.

PART IV RETURN, PAYMENT AND REFUND

Manner of furnishing return

7. (1) Every foreign registered person shall furnish a return for each taxable period as required under subsection 56H(4) of the Act in Form DST-02.

(2) All particulars as requested in Form DST-02 shall be furnished by the foreign registered person and shall contain a certification that such return is true and complete.

(3) A return made under this Part shall be furnished to the Director General through electronic service and shall be deemed to be furnished when such return has been received by the Director General through the electronic service.

(4) Any foreign registered person who contravenes subregulations (1) or (2) commits an offence.

Correction of errors

8. If any foreign registered person makes an error in any return furnished under the Act, the foreign registered person may correct such error in the manner as the Director General may determine.

Payment of service tax or penalty

9. (1) Payment of service tax or penalty payable under the Act shall be made to the Director General through electronic banking or any manner as the Director General may determine.

(2) The service tax or penalty payable shall be deemed to be paid when the payment is received by the Director General and is credited to the Director General.

(3) Notwithstanding subregulation (2), no penalty shall be imposed if payment of service tax is proved to have been made by the foreign registered person before the date specified under section 56I.

(4) Any payment of service tax or penalty payable received and credited under subregulation (2) shall not take into account the foreign exchange rate at the time it is received by the Director General and credited to the Director General.

(5) The total amount of service tax payable shall be declared in Ringgit Malaysia in the return.

Manner of claiming refund under paragraph 38(1)(a) or subsection 34(6) of the Act

10. (1) Any person who is eligible to claim for refund under under paragraph 38(1)(a) or subsection 34(6) of the Act shall apply to the Director General in the form and manner as he may determine.

(2) A separate application shall be made in respect of each claim for which the refund is claimed.

(3) The Director General may require the person who makes a claim under subregulation (1) to produce documents and information for the purpose of verifying such claim.

PART V ELECTRONIC SERVICES

Interpretation

11. In this Part, “authentication code” means an identification or identifying code, password or any other authentication method or procedure which is assigned by the Director General to any person for the purpose of identifying and authenticating the access to and use of the electronic service by such person.

Use of electronic service

12. (1) The Director General may assign to any person—

(a) an authentication code; and

(b) an account with the electronic service,

in order to use the electronic service provided under section 87 of the Act subject to any terms and conditions as the Director General may determine.

(2) Any person assigned by the Director General an authentication code under subregulation (1) shall be a registered user and he—

(a) shall acknowledge receipt of the authentication code;

(b) shall ensure that his authentication code is kept confidential; and

(c) shall not disclose his authentication code to any unauthorized person.

(3) An electronic notice made and transmitted under the Act by a registered user shall be deemed to have satisfied the requirement for filing, lodgement or submission if such notice is transmitted to the Director General in such manner as determined under this Part.

Manner in using electronic services

13. (1) The Director General or any officer of service tax authorized by the Director General may serve any notice on a registered user by transmitting such notice through electronic service to the account of the registered user.

(2) Where a document that is required to be stamped, signed or sealed under these Regulations is electronically filed, lodged or transmitted by way of electronic services, the requirement for attestation of the stamp, signature or seal does not apply.

(3) Any person who is authorized by a registered user may make and transmit any electronic notice on behalf of the registered user through the electronic service.

(4) Where any electronic notice is made and transmitted on behalf of any registered user under subregulation (3), the notice shall be deemed to have been made and transmitted with the authority of the registered user and such registered user shall be deemed to be cognizant of all matters therein.

(5) Where an electronic notice is transmitted to the Director General using the authentication code assigned to a registered user—

(a) with or without the authority of the registered user; and

(b) before notification to the Director General for cancellation of the authentication code,

that notice shall, for the purposes of the Act, be presumed to be made by the registered user unless the registered user is able to adduce evidence to the contrary.

Error in using electronic services

14. (1) Where an error is made in any electronic notice by the registered user under this regulation, the registered user shall rectify it by way of electronic service within such time as the Director General may determine and subject to any conditions as the Director General may impose.

(2) Notwithstanding subregulation (1), the Director General may direct or allow a registered user to rectify any electronic notice made and transmitted by the registered user under this regulation in such manner and within such time as the Director General may require.

(3) The Director General may, for the purpose of the electronic service, approve the use of any symbol, code, abbreviation or notation to represent any particulars or information required under the Act.

(4) Where an electronic notice is made and transmitted by the registered user to the Director General under the Act which does not comply with any requirement of this Part, the Director General or any officer of service tax authorized by the Director General, may serve a notice to the registered user indicating the non-compliance of the requirement, and such electronic notice sent by the registered user shall not be deemed to have been made and transmitted to the Director General by such registered user.

Termination of the provision of electronic services to the registered user

15. The Director General may, at any time by notice to the registered user, terminate the provision of the electronic service to the registered user if the registered user—

- (a) fails to comply with any terms and conditions imposed by the Director General;
- (b) contravenes any regulation in this Part; or

- (c) notifies the Director General for the cancellation of authentication code and electronic service account assigned to him.

PART VI MISCELLANEOUS

Hours for submission of return and payment

16. (1) For the purposes of receiving returns and payments of service tax or penalty payable through electronic banking, the ordinary hours shall be from 7.30 a.m. to 11.30 p.m. Malaysian standard time (UTC/GMT + 8 hours) on any day of the week.

(2) Where any returns and payments of service tax or penalty payable was received beyond the ordinary hours, hours of receiving such returns and payments of service tax or penalty payable shall be deemed to be received on the next following day.

General penalty

17. Any person who commits an offence under these Regulations shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding thirty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.

Forms

18. (1) The Forms in Schedule are prescribed for use under the Act and these Regulations.

(2) Any person making declaration in any forms under subregulation (1) shall give true and complete information.

SCHEDULE
[Regulation 18]

┌ *DST-01* ┐

PART A: BUSINESS PARTICULARS					
 JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA ROYAL MALAYSIAN CUSTOMS DEPARTMENT APPLICATION FOR DIGITAL SERVICE REGISTRATION					
(Important Notes) 1) Please refer to DST-01 Registration Form Guidelines 2) Column with (*) is a mandatory field. 3) Please tick () accordingly.					
1) Business Registration No. *					
2) Name and Registered Address of Business*					
Town					
Postcode/Zipcode State					
3) Trading Name					
4) Correspondence Address of Business (if different from item 2)					
Town					
Postcode/Zipcode State					
5) Telephone No*					
6) Fax No.					
7) Business Email Address*					
8) Details of Person Authorised by Company /Directors / Owner.*					
(a) No.	(b) Name *	(c) Passport No or other Identification No.*	(d) Tel. No.*	(e) Email address*	(f) Designation*

9) Financial Year End Month*

--	--

PART B: SERVICE DETAILS

10) Types of Digital Services*

- a) Software, apps and video game
 b) Music, e-book and film
 c) Advertisement and online platform
 d) Search engine and social network
 e) Database and hosting
 f) Internet Based Telecommunication
 g) Online training
 h) Others

11) Fill in relevant details:*

(Day)

(Month)

(Year)

a) Date of Achieving Value of Digital Service

--	--

/

--	--

/

--	--	--	--

12) Total Value of Digital Service*

MYR

PART C: APPLICANT DECLARATIONS

13) I hereby declare that the information stated in this form and any supporting documents furnished are true and complete and agree any notice to be served to me through electronic service.*

Date*

--	--

(day)

--	--

(month)

--	--	--	--

(year)

.....

14) Name of Applicant*

--

15) Identification No/Passport No*

--

16) Designation*

--

17) Telephone No*

--

18) E-mail address*

--

Γ*DST-02*

No. DST-02 :

☐ Amendment


JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA ROYAL MALAYSIAN CUSTOMS DEPARTMENT

DIGITAL SERVICE RETURN

Important Notes

- 1) Please refer to DST-02 Return Guidelines.
- 2) Column with (*) is a mandatory field.
- 3) If nothing to declare, please fill in "0".

PART A: DETAILS OF FOREIGN REGISTERED PERSON

1) Identification No.*

2) Name of Business.*

3) Business Address.*

4) Correspondence Address of Business

Town

Postcode/Zipcode

State

5) Telephone No.*

6) Fax No.

7) Email Address.*

PART B: SERVICE DETAILS																															
8) Taxable Period.* from / / (day) (month) (year) to / / (day) (month) (year)																															
9) Details of digital service <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 10%; text-align: center;">(a) No.</th> <th style="width: 40%; text-align: center;">(b) Types of digital service provided *</th> <th style="width: 30%; text-align: center;">(c) Value of digital service (MYR)*</th> <th style="width: 20%; text-align: center;">(d) Amount of tax (MYR)*</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr> <td colspan="2" style="text-align: center;">Total</td> <td> </td> <td> </td> </tr> </tbody> </table>				(a) No.	(b) Types of digital service provided *	(c) Value of digital service (MYR)*	(d) Amount of tax (MYR)*																					Total			
(a) No.	(b) Types of digital service provided *	(c) Value of digital service (MYR)*	(d) Amount of tax (MYR)*																												
Total																															
10) Penalty Rate / Penalty Amount % MYR																															
11) Total Amount of Service Tax Payable* MYR																															
12) Currency used																															
PART C: DECLARATION																															
13) I hereby declare that the information stated in this form and any supporting documents furnished are true and complete and agree any notice to be served to me through electronic service.* Date* / / (day) (month) (year)																															
14) Name of Declarant.*																															
15) Designation of Declarant.*																															
16) Telephone No.*																															

Made 27 September 2019
[MOF.TAX(R)700-2/8/1 Jld 4; PN(PU2)752/III]

LIM GUAN ENG
Minister of Finance